

# Minggu Perpustakaan UniSZA 4-8 Oktober

Oleh ROSALINDA MD. SAID

utusanterengganu@utusan.com.my

**KUALA TERENGGANU 2 Okt.** - Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan mengadakan Minggu Perpustakaan pada 4 hingga 8 Oktober ini dalam usaha mempromosikan lagi perkhidmatan yang disediakan kepada seluruh warga institusi itu.

Setiausaha program, Marlina Jaafar berkata, pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk pengunjung antaranya pameran dan jualan buku-buku serta pertandingan kuiz.

Di samping itu, katanya, syarikat penerbitan, *Utusan Karya* juga akan terlibat menjual buku-buku dan majalah dalam program tersebut.

"Pengisian kali ini lebih dekat dengan pengguna kerana kita mahu mereka menggunakan sepenuhnya kemudahan yang ada di

perpustakaan terutama perkhidmatan WiFi untuk mencari maklumat, misalnya menerusi kuiz *Cabaran WhatsApp Kipidap* yang akan dibuat pada hari terakhir program.

"Pengguna boleh mendapatkan soalan-soalan berkişar isu semasa dan perkhidmatan perpustakaan menerusi aplikasi WhatsApp Kumpulan Perpustakaan bermula pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari dan pemenang bertuah berpeluang memenangi hadiah termasuk gajet dan buku-buku," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Marlina, pihak Perpustakaan UniSZA juga akan mengadakan demonstrasi penjilidan dan pembaikan ringan buku selaras memenuhi tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada komuniti setempat.

Katanya, demonstrasi itu akan diberikan kepada pelajar dari-

UTUSAN  
MALAYSIA

04/10/2015

pada empat buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ibrahim Fikri, SMK Kompleks Gong Badak, SMK Kompleks Seberang Takir dan SMK Sultan Sulaiman.

Dalam pada itu, ujarnya, dalam tempoh tersebut pihak perpustakaan juga akan menawarkan diskaun 50 peratus bagi denda buku yang melebihi RM5.

"Kita berharap seluruh warga UniSZA akan berkunjung ke perpustakaan bagi memeriahkan sambutan pada kali ini.

"Menerusi program seumpama ini secara tidak langsung dapat mendekatkan Perpustakaan UniSZA dengan pelajar sekali gus membolehkan lokasi ini menjadi pilihan mereka bukan sahaja untuk meminjam buku dan mengulang kaji pelajaran semata-mata bahkan mencari maklumat tambahan menerusi pelbagai perkhidmatan yang disediakan," katanya.